



06 FEB, 2025

Inisiatif tambah baik bekalan elektrik

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Inisiatif tambah baik bekalan elektrik

KERAJAAN negeri akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan prestasi bekalan elektrik di negeri ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

Beliau berkata, inisiatif ini termasuk inisiatif yang dirancang berdasarkan kuasa kawal selia oleh Energy Commission of Sabah (ECoS) dalam Pelan Induk dan Halatuju Tenaga Sabah 2040 (SE-RAMP 2040).

“Walaupun kuasa kawal selia bekalan elektrik Sabah telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri, saya berharap agar kerjasama di antara kedua-dua pihak tetap utuh dengan menunjukkan kesepakatan dan komitmen yang tinggi bagi memberikan kemudahan terbaik kepada rakyat,” katanya pada Program Sabah Electricity bersama Komuniti, Rumah Terbuka Krismas 2024 dan Tahun Baharu 2025 di Dewan Seri Sulaman, di Tuaran pada 26 Januari.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kerja Raya Datuk Ir Shahelmey Yahya.

Ketua Menteri berkata, antara usaha yang dilaksanakan di peringkat kerajaan negeri adalah pengecualian surcaj Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) bagi tempoh enam bulan bermula 1 Januari hingga Jun ini.

“Subsidi sebanyak RM50.9 juta diperuntukkan kepada pengguna domestik dan bukan domestik yang layak di bawah kategori tarif voltan rendah, yang turut merangkumi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS).

“Isu utama yang menjejaskan bekalan elektrik di negeri ini bukan sekadar kekurangan kapasiti penjanaan tetapi diburukkan lagi oleh peningkatan permintaan pengguna disebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

“Justeru, Kerajaan Negeri akan memberi

tumpuan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Pembangunan Penjanaan jangka pendek bagi mencapai margin rizab kapasiti penjanaan sebanyak 30 peratus,” katanya.

Bagi memastikan kejayaan pelan ini dan menambah baik keadaan bekalan elektrik di Sabah, beliau berkata Kerajaan Negeri, melalui ECoS, akan terus bekerjasama dengan Sabah Electricity bagi memudahkan dan menyokong pelaksanaan Pelan Transformasi Elektrik Sabah.

Sementara itu, Hajiji menegaskan Kerajaan Gabungan Rakyat Sabah-Pakatan Harapan (GRS-PH) Plus melayan semua rakyat negeri ini secara adil, tanpa mengira perbezaan agama, kaum atau etnik.

“Ini adalah bukti keprihatinan dan keterangkuman Kerajaan GRS-PH Plus. Justeru, saya berharap pada kesempatan ini, kita dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan, perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum.

“Lebih-lebih lagi, sebagai sebuah negeri berbilang kaum, kita bertuah kerana dapat meraikan pelbagai perayaan yang disambut di seluruh negara.

“Krismas, yang baru-baru ini disambut oleh penganut Kristian pada Disember, dan Tahun Baharu Cina akan datang, yang akan disambut oleh masyarakat Cina dalam beberapa hari sahaja lagi, menyerlahkan bagaimana negara kita menghargai dan menghormati semua sambutan perayaannya,” katanya.

Beliau turut melahirkan harapan agar tradisi berkongsi dan menghormati sambutan kebudayaan yang berbeza, di samping amalan kunjung-mengunjung pada musim perayaan, akan terus dipertahankan sebagai sebahagian daripada identiti Malaysia yang unik dan harmoni.